



Sokongan Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan

Sila klik pautan di bawah untuk maklumat yang berkenaan

1. [Siaran Akhbar pada 31 Mac 2009](#)
2. [Soalan Lazim](#)
3. [Penepian fi langganan SSM e-Lodgement](#)
4. [Bagaimana untuk memohon rebat?](#)
5. [Akuan Pernyataan Pemohon – S. 308](#)



**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA**

SIARAN AKHBAR – 31 MAC 2009

**LEBIH 4.9 JUTA SYARIKAT DAN PERNIAGAAN AKAN
MENIKMATI FAEDAH PENGURANGAN
DAN PENEPIAN FI YANG DITETAPKAN**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini mengumumkan pengurangan sementara fi antara 10% - 15% bagi fi yang ditetapkan selama satu tahun bagi pemerbadanan syarikat, peningkatan modal dibenar, pendaftaran perniagaan (i.e. milikan tunggal dan perkongsian) dan pembaharuan perniagaan.

SSM turut memberi penepian (waiver) fi langganan bagi perkhidmatan e- lodgement Syarikat dan Perniagaan selama satu tahun. Pelaksanaan pakej ransangan ekonomi oleh SSM ini akan berkuatkuasa mulai 01/04/2009 hingga 31/03/2010 sebagai langkah menyokong kedua-dua pakej rangsangan ekonomi Kerajaan yang telah diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Perlaksanaan pakej rangsangan ekonomi SSM ini dijangka akan memberi manfaat kepada kedua-dua syarikat dan perniagaan yang sedia ada dan yang bakal ditubuhkan. SSM menjangkakan sebanyak 42,000 syarikat baru akan diperbadankan dan 320,000 perniagaan

didaftarkan. Pengurangan fi bagi peningkatan modal dibenar dan pembaharuan pendaftaran perniagaan ini juga dijangka dapat memberi manfaat kepada 839,000 syarikat dan 3.7 juta perniagaan yang telah berdaftar bersama SSM.

Maklumat berkaitan pengurangan dan penepian fi yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurangan fi sebanyak 10% akan diberikan bagi pendaftaran pemerbadanan syarikat baru yang mempunyai modal dibenar kurang daripada RM100,000.00;
- (ii) Pengurangan fi sebanyak 15% akan diberikan bagi pendaftaran pemerbadanan syarikat baru yang mempunyai modal dibenar lebih daripada RM100,000.00;
- (iii) Pengurangan fi sebanyak 15% akan diberikan bagi peningkatan modal dibenar syarikat;
- (iv) Pengurangan sementara sebanyak 10% bagi fi yang ditetapkan untuk pendaftaran perniagaan baru yang didaftarkan dalam tempoh 3 – 5 tahun;
- (v) Pengurangan sementara sebanyak 10% bagi fi yang ditetapkan untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan yang didaftarkan dalam tempoh 3 – 5 tahun;
- (vi) Penepian (*waiver*) fi langganan perkhidmatan e-lodgement Syarikat (RM120.00); dan
- (vii) Penepian (*waiver*) fi langganan perkhidmatan e-lodgement Perniagaan (RM5.00).

Jadual perbandingan bagi pengurangan yang diberikan adalah seperti berikut:

Modal Dibayar (RM)	Fi sedia ada (RM)	Fi selepas pengurangan (RM)
Bagi pemerbadanan syarikat: hingga 100,000	1,000	900
100,001 – 500,000	3,000	2,550
500,001 – 1 Juta	5,000	4,250
1,000,001 – 5 Juta	8,000	6,800
5,000,001 – 10 Juta	10,000	8,500
10,000,001 – 25 Juta	20,000	17,000
25,000,001 – 50 Juta	40,000	34,000
50,000,001 – 100 Juta	50,000	42,500
100,000,001 dan ke atas	70,000	59,500

**Fi Baru Bagi Pendaftaran Perniagaan dan Pembaharuan
Perniagaan yang didaftarkan dalam tempoh 3 – 5 tahun**

Milikan Tunggal (menggunakan nama diri)	Fi (RM) (Jadual Kedua)	Fi (RM) (Baru)
3 tahun	90.00	81.00
4 tahun	120.00	108.00
5 tahun	150.00	135.00

Milikan Tunggal dan Perkongsian (menggunakan nama trade)	Fi (RM) (Jadual Kedua)	Fi (RM) (Baru)
3 tahun	180.00	162.00
4 tahun	240.00	216.00
5 tahun	300.00	270.00

SSM berhasrat melaksanakan beberapa cadangan yang bertujuan menyokong pakej-pakej rangsangan ekonomi dengan:

- (i) membantu dalam meningkatkan aktiviti keusahawanan dan urusan domestik;
- (ii) membantu meningkatkan pengetahuan warga korporat melalui latihan dalam aspek tadbirurus syarikat; dan
- (iii) membantu meningkatkan keyakinan pelabur domestik dan luar negara melalui inisiatif 'Penguatkuasaan Seimbang', penerapan budaya amalan korporat yang baik, menyelaraskan kehendak undang-undang dan amalan perniagaan serta mengadakan konsultasi yang kerap antara SSM dan pihak-pihak yang berkepentingan.

PELAKSANAAN INISIATIF JANGKA PENDEK

- (i) Mempertingkatkan program latihan yang dijalankan oleh Akademi Latihan SSM (COMTRAC);
- (ii) Pengurangan bayaran bagi mengikuti kursus/latihan yang dikendalikan oleh COMTRAC SSM yang berharga di antara RM250-RM300 kepada RM 200.00 sahaja;
- (iii) Memperkenalkan semula tempoh "*moratorium*" untuk menggalakkan pengeluaran syarikat yang tidak aktif dari daftar pemerbadanan SSM;
- (iv) Pengenalan semula tempoh moratorium bagi tempoh enam (6) bulan berkuatkuasa mulai 01/04/2009 hingga 30/09/2009;
- (v) Pemansuhan bayaran fi langganan bagi perkhidmatan *e-Lodgement* (ROB *e-Lodgement* RM 5.00 dan ROC *e-Lodgement* RM120.00); dan
- (vi) Pengurangan / penepian kompaun tertunggak akan diberi atas budi bicara Pendaftar.

CADANGAN SSM DALAM MEMPERCEPATKAN PROGRAM-PROGRAM JANGKA PANJANG YANG SEDANG DI BANGUNKAN

5. SSM turut bercadang untuk mempercepatkan program-program jangka panjang yang sedang dibangunkan seperti berikut:

- (i) Pengenalan Perkongsian Liabiliti Terhad (Limited Liability Partnership) (LLP) sebagai satu alternatif cara menjalankan perniagaan selain daripada syarikat,

perkongsian dan milikan tunggal. Konsep LLP mampu menggalakkan aktiviti keusahawanan di kalangan masyarakat;

- (ii) Mempromosi modul perniagaan skim kepentingan (interest scheme) sebagai satu alternatif yang lebih mudah dan murah untuk memperolehi suntikan modal dari orang awam untuk satu-satu jenis aktiviti perniagaan berbanding langkah pengapungkan di Bursa Saham;
- (iii) Mempertingkatkan kekerapan platform konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh SSM dan golongan korporat; dan
- (iv) Melaksanakan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM (*SSM Corporate Responsibility Agenda*) di mana SSM akan memacu budaya tanggungjawab korporat di kalangan syarikat dan perniagaan untuk meringankan beban tanggungjawab sosial Kerajaan serta menggalakkan peranan sektor swasta di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang memberikan faedah kepada masyarakat dan negara.

PENGUMUMAN

PENEPIAN FI LANGGANAN BAGI PERKHIDMATAN e-LODGEMENT SSM

Sebagai langkah menyokong usaha kerajaan di dalam mengawal kesan krisis ekonomi global, SSM telah menepikan fi langganan bagi perkhidmatan e Lodgement ROC dan ROB bagi tempoh satu (1) tahun bermula 1 April 2009 sehingga 31 Mac 2010. Antara lain inisiatif yang diambil oleh SSM termasuklah:

- (a) pengurangan fi sebanyak 10% bagi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan yang dibuat bagi tempoh 3 hingga 5 tahun;
- (b) pengurangan fi bagi penubuhan syarikat antara 10% 15%; [Klik di sini untuk maklumat lanjut](#)


Perkhidmatan e Lodgement SSM

Penepian bagi fi langganan dan pembaharuan perniagaan akan membolehkan dan menggalakkan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan e lodgement sebagai satu langkah strategik untuk mengurangkan kos mengurus syarikat.

Walau bagaimanapun, ekoran daripada hal hal yang tidak dapat dielakkan, pelarasan fi fi yang ditetapkan bagi perkhidmatan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan secara online akan hanya bermula pada 27 April 2009. Bagi perkhidmatan yang terlibat, rebat akan hanya diberi kepada transaksi yang dilakukan pada di antara 1 April hingga 27 April 2009. Untuk maklumat lanjut berhubung pakej rangsangan dan tuntutan rebat, sila klik di sini.

Kerjasama anda ke atas perkara ini amatlah dihargai.

HOW TO CLAIM REBATE FOR e-LODGEMENT SERVICES

1. Rebate can be claimed by using the application form as per **Appendix 1**  and submit the form to SSM via email to enquiry@ssm.com.my.
2. The application must state the following mandatory details :
 - (i) Name of Applicant;
 - (ii) Identity Card Number;
 - (iii) Business Address;
 - (iv) Telephone Number and e-Mail Address;
 - (v) Payment Reference Number (**example as per Appendix 2**);
 - (vi) Payment Amount;
 - (vii) Payment Mode; and
 - (viii) Reasons for Rebate.
3. Complete application will be processed within 14 working days. Incomplete applications will be queried and processed upon resubmission.
4. Rebate for credit card payment will be credited back to credit card holder's account while for direct debit and prepaid, rebate will be paid via cheque and sent to the business address as per application form.

Official Receipt



SSM - SSM Subscriber Registration

Ibleng,

ROB Subscription Expired on : 05/08/2009

ROC Subscription Expired on : 05/08/2009

Your application has been **successfully** sent for processing.

Payment Details

Thank you for your payment. Your credit card has been debited with RM 5.00

Merchant Reference Number : 2000042829
 Payment Reference Number : **SSM05082008-00283981PSP**
 Name: [REDACTED]
 Payment Date Time : 05/08/2008 11:54:11
 Mode of Payment : MasterCard
 Credit Card Number : 5402 [REDACTED]

Payment Details

Payment Details	Amount (RM)
ROB Subscription Fee	5.00
Total	5.00

Your application can be tracked under My Online Transactions section under My Home. Please login to myGovernment Public Service Portal www.gov.my.

Application Status

Not Submitted - Your form has been filled and saved
 In Process - Your form has been submitted and will be processed by SSM.



AKUAN PERNYATAAN PEMOHON

Permohonan Untuk memotong Nama Syarikat Yang Tidak beroperasi Atau

Tidak menjalankan Perniagaan Dari Daftar

(Seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965)

Saya,.....(No. K/P :.....) yang
beralamat di.....
dengan ini menyatakan seperti berikut:

- (a) Saya adalah salah seorang dari Pengarah / *Pemegang Saham
.....
(nama syarikat);
*Sebagai Pemegang Saham, saya telah sedaya upaya cuba untuk menghubungi pemegang – pemegang saham yang lain tetapi tidak berjaya.
- (b)(Nama syarikat) telah * tidak menjalankan perniagaan / tidak beroperasi sejak.....;
- (c) Syarikat tidak mempunyai hasrat untuk * memulakan operasi/ meneruskan perniagaan pada masa akan datang;
- (d) Syarikat ini tidak mempunyai aset dan liabiliti termasuk apa apa gadaian yang tertunggak di dalam Daftar Gadaian yang disimpan di pejabat Pendaftar Syarikat;
- (e) Syarikat ini *tidak mempunyai penalti atau kompaun yang tertunggak / mempunyai penalti atau kompaun yang tertunggak di bawah Akta Syarikat 1965 dan memohon agar pendaftar Syarikat mempertimbangkan untuk mengenyapkannya / mengurangkannya kepada RM.....

- (f) Syarikat ini tidak mempunyai cukai atau lain lain liabiliti yang tertunggak dan tidak berhutang dengan mana mana Jabatan / Agensi kerajaan;
- (g) Maklumat syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam “*print-out*” dari pejabat Pendaftar Syarikat adalah benar dan terkini seperti yang dilampirkan;
- (h) Syarikat ini tidak terbabit dalam apa apa tindakan undang undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (i) Syarikat ini bukan merupakan syarikat induk atau anak syarikat kepada perbadanan yang lain;
- (j) Syarikat ini bukan merupakan “ Perbadanan Penggerenti” (*Guarantor Corporation*);
- (k) Rekod statutori syarikat ini boleh diperiksa di pejabat berdaftaranya di
.....
.....
.....(nyatakan alamat).

Saya yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa segala maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tarikh:

.....

Tandatangan Pemohon

Diserah simpan oleh:

*Potong mana yang tidak berkenaan

Senarai Semak

Nama Syarikat :

Nombor Syarikat:

Sila tanda / untuk memastikan semua dokumen disertakan

1. Surat iringan
2. Akuan pernyataan pemohon
3. Yuran permohonan RM120.00
4. Maklumat 'Print out' syarikat dari SSM. Maklumat ini boleh diperolehi melalui perkhidmatan 'E Info'
5. Surat pelepasan dari pemuitang / LHDN (*jika ada*).

Tandatangan pemohon :

(Nama)

Tarikh :